

<https://kampusuols.com/article/422752/U-In-News/SEL-KL/SEEDS-FOR-THE-FUTURE-naik-taraf-pendidikan-Malaysia-dengan-memanfaatkan-pengalaman-dan-teknologi-terkini-dari-Huawei-Malaysia>

'SEEDS FOR THE FUTURE' naik taraf pendidikan Malaysia dengan memanfaatkan pengalaman dan teknologi terkini dari Huawei Malaysia

[MUHAMMAD IQBAL RAMLAN](#) 26 September 2018

PUTRAJAYA - Majlis pelancaran bagi program 'SEEDS FOR THE FUTURE' anjuran Huawei Malaysia telah diadakan di Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya tengah hari tadi.



Program ini adalah hasil kerjasama di antara Huawei Malaysia dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 2014 lagi, diadakan dengan tujuan menaik taraf tahap pendidikan di Malaysia, terutamanya dalam bidang pembangunan, pengetahuan, perpindahan pengetahuan dan keusahawanan dengan memanfaatkan pengalaman dan teknologi terkini dari Huawei Malaysia.



Upacara perasmian telah dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dr. Maszlee Malik. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Huawei kerana telah berdedikasi dan memberikan komitmen dalam

membangunkan Malaysia bukan sahaja melalui teknologi, malah melalui usaha berterusan daripada pihak Huawei dalam meningkatkan kemahiran bakat-bakat teknologi maklumat tempatan, sekaligus mendokong industri teknologi maklumat di Malaysia.



Majlis turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Eksekutif bagi Huawei Malaysia, Baker Zhou; Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Teo Nie Ching; dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato' Dr. Mohd Gazali Abas.



Pemenang telah dipilih daripada lebih 1,000 orang peserta daripada Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Multimedia University (MMU).



Sepuluh pemenang yang terpilih ialah Hafizul Ikhwan daripada MMU, Saw Jay Han daripada UM, Kong En Yie daripada UNIMAS, Anusha Thanapalan mewakili UMS, Chin Xiang Yi daripada UTP, Wan Nur Atiqah Wan Ahmad Yusri daripada UPM, Luciana Wong Ai Hua mewakili UniMAS, Teo Yar Lee daripada MMU, Lim Yii Vonne daripada UniMAS dan Muhammad Nor Iman daripada UTHM.

Para pemenang pada tahun ini bakal melawat Beijing dan Shenzhen, yang mana terletaknya ibu pejabat Huawei, selama dua minggu yang mendapat tajaan sepenuhnya daripada Huawei. Mereka bakal menyaksikan mekanisme dalaman syarikat teknologi maklumat terbesar di dunia tersebut secara dekat.

Mereka juga dapat belajar tentang pengkomputeran awan (*cloud computing*), objek rangkaian internet (Internet of Things), teknologi 5G dan bakal menyertai beberapa bengkel teknologi dan *networking*.

Menurut Muhammad Nor Iman, dia sangat bersyukur dan berterima kasih kepada Huawei dan Menteri Pendidikan Malaysia.

“Melalui kerjasama ini, saya mendapat peluang untuk melawat tempat-tempat bersejarah di negara China dan membolehkan saya belajar mengenai budaya di negara tersebut.

“Secara tidak langsung, saya dapat mengenali teknologi yang datang daripada budaya negara tersebut,” katanya.

Salah seorang pemenang yang lain, Anusha Thanapalan berkata, program ini sangat menarik dan menakjubkan kerana program ini dapat mendedahkan tentang teknologi maklumat terbaharu yang dibangunkan oleh Huawei.

“Program ini juga membolehkan kami untuk mendapat kemahiran-kemahiran yang penting untuk berjaya pada masa hadapan,” katanya.



Majlis diakhiri dengan persembahan daripada kesemua pemenang, diikuti dengan sesi bergambar bersama Dr. Maszlee Malik bersama para pemenang.